



Kosmo
10/11/16 m/s 2

Trump lakukan kejutan menang 290 undi jauh tinggalkan Clinton yang peroleh 218 undi

Bilionair pertama jadi Presiden AS

WASHINGTON, Amerika Syarikat - Bilionair terkenal yang sinonim dengan tagline *You're fired* menerusi program realiti TV, *The Apprentice*, Donald Trump mengejutkan dunia apabila memenangi pilihan raya Presiden Amerika Syarikat (AS) dengan memperoleh 290 undi Electoral College jauh meninggalkan pencabarnya, Hillary Clinton.

Clinton hanya meraih 218 undi. Trump mewakili Parti Republikan dengan beberapa dasar luar yang radikal melakukan kejutan besar sehingga membuat pasaran saham dunia merudum teruk semalam memandangkan ramai yang menjangka Clinton bakal menang.

Walaupun tiga negeri iaitu Minnesota, Michigan dan New Hampshire setakat pukul 10 malam tadi (waktu Malaysia) belum mengeluarkan keputusan penuh, namun dengan majoriti lebih 270 undi, ia sudah cukup membolehkan Trump menjadi Presiden AS ke-45.

Kemenangan tersebut sekali gus menjadikan Trump, 70, bilionair pertama dipilih sebagai Presiden AS selepas Presiden sebelum ini cuma berstatus jutawan.

Trump bakal mengambil alih kuasa daripada Presiden Barack Obama pada 20 Januari 2017 dan bakal berkuasa untuk empat tahun sehingga 2020.

Pemimpin itu hadir bersama keluarganya di hadapan penyokong yang bersorak di dewan tarian sebuah hotel di New York

"Masanya tiba untuk kita tampil sebagai rakyat yang bersatu. Saya akan menjadi Presiden kepada semua rakyat AS," kata Trump yang mempunyai lima orang anak hasil daripada tiga perkahwinannya.

Tambah Trump, beliau telah menerima panggilan telefon daripada Clinton yang mengucapkan tahniah atas kemenangannya.

Trump memenangi pilihan raya kali ini berikutan sokongan padu golongan kolar biru terutamanya pekerja kulit putih selepas beliau berjanji akan menjadi Presiden yang memberikan peluang pekerjaan paling banyak kepada rakyat AS.

Dalam ucapan kemenangannya Trump berkata, beliau mempunyai pelan ekonomi hebat dan akan melaksanakan perancangan untuk membina semula infrastruktur AS.

Trump juga berjanji akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi AS sebanyak dua kali ganda.

Selain memenangi pilihan raya Presiden, Parti Republikan juga menguasai Kongres.

Stesen-stesen televisyen negara itu menjangkakan parti itu akan mengekalkan majoriti di kedua-dua Dewan Senat dan Dewan Perwakilan yang setiap satu memiliki 100 dan 435 kerusi.

Ketika penyokong Trump bergembira, suasana Dewan Persidangan Javits yang menempatkan majlis Clinton terus suram.



OBAMA




CLINTON

Profil Trump

Lain-lain:

- Ayah: Fred Trump, Ibu: Mary (Macleod) Trump
- Sejarah perkahwinan: Melania (Knauss) Trump (22 Januari 2005-sekarang), Marla (Maples) Trump (Disember 1993-Jun 1999, bercerai), Ivana Trump (1977-1990, bercerai)
- Pengurus dan Presiden The Trump Organization
- Mempunyai aset sebanyak AS\$3.7 bilion (RM15.7 bilion) setakat 9 November 2016
- Tersenarai sebagai orang ke-156 terkaya dalam *Forbes 400* (2016)



semalam. Berucap selepas memenangi pilihan raya itu, Trump berkata, masanya sudah tiba untuk menyembuhkan perpecahan yang berpunca daripada pilihan raya itu.

Rakyat AS, katanya, perlu mencari titik persamaan selepas kempen politik tersebut mendedahkan perbezaan ketara sesama mereka.

Clinton, 69, memutuskan untuk tidak muncul pada acara tersebut.

Beliau sebaliknya menghantar pengerusi kempenya, John Podesta untuk memberitahu para penyokongnya supaya beransur pulang.

“Tiada apa lagi yang perlu diperkatakan pada malam ini,” katanya. - Reuters




TRUMP meraikan kemenangannya bersama Naib Presiden, Mike Pence sewaktu bertemu dengan penyokong Parti Republikan di Manhattan, New York semalam.



KANAN: Para penyokong Trump bersorak girang selepas bilionair itu diumumkan menang jawatan Presiden AS yang ke-45 di Manhattan, New York semalam.

**Keputusan pilihan raya AS
Jumlah undi elektoral terkini**



Sumber: Stesen televisyen AS

© AFP